

**ASPEK KESELAMATAN AWAM DALAM
PEMBENTUKAN BANDAR SELAMAT DI MALAYSIA:
KAJIAN KES ALOR STAR, KEDAH**

Oleh

JAMALUDIN MUSTAFFA

Ph. D.

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
(2007)**

PENGHARGAAN

Dengan menyebut nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, ahli-ahli keluarga serta para Sahabat baginda.

Segala puji bagi Allah, Tuhan seru sekalian alam. Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Yang menguasai hari pembalasan. Hanya kepada Engkaulah kami menyembah dan hanya kepada Engkaulah kami mohon pertolongan. Tunjukkanlah kami jalan yang lurus. (laitu) jalan orang-orang yang Engkau anugerahkan nikmat kepada mereka; bukan (jalan) mereka yang dimurkai dan bukan (pada jalan) mereka yang sesat.

Alhamdulillah, Syukur saya ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia, taufik dan hidayahNYA, serta berkat kesabaran dan ketabahan dapat juga tesis ini disempurnakan.

Ucapan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Kamaruddin Ngah dan Dr. Suhaimi Shahnnon yang telah banyak memberi bimbingan, tunjuk ajar, nasihat dan galakan sepanjang menyiapkan tesis ini. Galakan dan panduan ini telah menguatkan semangat saya untuk menghasilkan tesis ini sehingga ke peringkat akhir. Penghargaan ini ditujukan juga kepada Universiti Utara Malaysia serta Jabatan Perkhidmatan Awam yang telah menyumbangkan sumber kewangan serta cuti pengajian bagi menyiapkan tesis ini.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Hasyima, Noor Hazirah, Hartini, Shafik dan rakan-rakan pembanci yang telah banyak membantu menyumbangkan tenaga dan, buah fikiran bagi membantu saya menyiapkan tesis ini.

Tidak ketinggalan kepada Prof. Madya Dr. Mansor Md. Noor, Prof. Madya Hj. Azmi Shaari, Prof. Ir. Che Sobri, En. Zaim, Prof. Madya Dr. Che Su, Prof. Dr. Mahmood Nazar, Prof. Madya Dr. Sabitha, Dr. Kamal Hamid, Dr. Rosli Mohd, Dr. Zahidi Zainal, Zaheruddin, Solahudin, Mazlan, Ibrahim Abd Aziz, Atan, Sayuti, Dani, En. Hambali, Dr. Sobri Don, ASP. Sobri Khalid, DSP. Mohd Salleh, Supt. Ibrahim Abu Bakar, SAC II. Rosli Abbas, DSP Ibrahim, ASP Rosli, Ir. Ahmad Sujairi (MBAS), En. Mursidin Ismail (JPBD), En. Saidi Midin (JPNIN) dan ketua-ketua Persatuan Penduduk taman perumahan yang dikaji.

Kepada Bonda dan Ayahanda ku serta Ayahanda Mertua ku yang tidak pernah berhenti mendoakan kejayaan anakmu dalam menghadapi cabaran hidup dalam menuntut ilmu. Isteriku, Azalita Zakaria yang sentiasa bersabar dan tabah sama-sama mengharungi dugaan kehidupan yang bersifat sementara ini. Kepada anakandaku, Nur Jazanadia, Nur Atiqah, Nur Athirah, Muhammad Izzuddin dan Nur Hidayah sebagai sumber insperasi dan banyak masa telah diambil yang sepatutnya kita bersama. Jadikanlah usaha ini sebagai perintis ke arah kejayaan di masa hadapan.

Penghargaan juga saya persembahkan kepada jemaah pemeriksaan tesis ini, iaitu Dato' Prof. Jamaludin Sulaiman, Prof. Madya Dr. Kamaruddin Ngah, Dr. Suhaimi Shahnnon, Prof. Madya Dr. Yahaya Ibrahim, Dr. Noriah Mohamad, Dr. Rahmat Azam, Prof. Madya Abdul Rahim Ibrahim dan En. Yusof yang membantu dalam penambahbaikan penulisan tesis ini.

Semoga kita semua di rahmati Allah dalam mencari keredaanNYA di muka bumi ini. Insyallah.

SUSUNAN KANDUNGAN

	Muka surat
PENGHARGAAN	ii-iii
JADUAL KANDUNGAN	iv-xiii
SENARAI JADUAL	xiv-xvi
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii-xix
SENARAI LAMPIRAN	xx
ABSTRAK	xxi
<i>ABSTRACT</i>	xxii
BAB SATU: PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	1
1.0.1 Imbasan Perkembangan Pembangunan Bandar di Malaysia	3
1.0.2 Keselamatan Awam (Jenayah) di Malaysia – Satu Tinjauan	6
1.0.3 Bandar Selamat: Satu Tinjauan Awal di Malaysia	9
1.0.4 Konsep Bandar Selamat di Negara Maju – Satu Tinjauan	14
1.1 Kenyataan Masalah Kajian	20
1.2 Persoalan Kajian	26
1.3 Matlamat dan Objektif Kajian	27
i. Matlamat	27
ii. Objektif	27
1.4 Skop Kajian	28
1.5 Struktur Tesis	30
1.5 Rumusan	32

BAB DUA: PERANCANGAN PEMBANGUNAN BANDAR SELAMAT DAN KESELAMATAN AWAM: KERANGKA TEORITIKAL

2.0	Pengenalan	33
2.1	Latar Belakang Teori	33
2.1.1	Teori dan Konsep Perancangan	33
2.1.2	Teori Pertumbuhan Bandar	35
2.1.3	Bandar dan Proses Perbandaran	37
2.1.4	Teori Perkembangan Bandar	41
2.1.5	Proses Asas Jenayah Bandar	45
2.1.6	Local Agenda 21	49
2.1.7	Pembangunan Mampan	50
2.2	Konsep Jenayah dan Bandar Selamat	57
2.2.1	Jenayah Bandar	57
2.2.2	Pengertian Jenayah	58
2.2.3	Corak Jenayah	62
2.2.4	Perspektif Perancangan ke Arah Permasalahan Jenayah di Bandar	64
2.2.5	Prinsip Keselamatan Awam	67
2.2.6	Teori Hierarki Keperluan Maslow	71
2.3	Konsep Bandar Selamat	72
2.3.1	Konsep <i>Home Zone</i>	72
2.3.2	Konsep Keselamatan Persekitaran	73
2.3.3	Konsep Persekitaran Tanpa Halangan	77
2.3.4	Konsep <i>Defensible Space</i>	78
2.3.5	Konsep Kejiranan	81
2.4	Pembangunan Bandar dan Keselamatan Awam: Satu Penilaian dan Pencapaian	90

2.4.1	Penilaian Proses Pelaksanaan Konsep	91
2.4.2	Petunjuk Imej Bandar	92
2.6	Rumusan	95

BAB TIGA: PERANCANGAN PEMBANGUNAN BANDAR DAN APLIKASI KONSEP BANDAR SELAMAT DI MALAYSIA

3.0	Pengenalan	97
3.1	Sejarah Awal Perkembangan Bandar	98
3.2	Perkembangan Perancangan Bandar di Malaysia	98
3.3	Perancangan Bandar dan Kerajaan Tempatan	99
3.3.1	Perancangan Bandar dan Kerajaan Tempatan (Georgetown dan Negeri-Negeri Selat)	99
3.3.2	Perancangan Bandar di Negeri-Negeri Bersekutu dan Tidak Bersekutu	101
3.3.3	Perkembangan Perancangan Bandar (1921 – 1957)	102
3.3.4	Perkembangan Perancangan Bandar Selepas Merdeka (1957 – 1969)	102
3.3.5	Perkembangan Perancangan Bandar (1969 – 1995)	103
3.3.6	Perkembangan Perancangan Bandar 1995 Hingga Kini	105
3.4	Perancangan Bandar dan Pembangunan Komuniti	106
3.4.1	Pembangunan Komuniti dan Perumahan	107
3.5	Dasar Pembangunan Nasional	115
3.5.1	Dasar Awam Kerajaan	115
3.5.2	Perundangan	116
3.6	Keselamatan Awam dan Konsep Bandar Selamat – Praktis Perancangan di Malaysia	116
3.6.1	Skop dan Peranan Jawatankuasa Penyelarasan	118
3.6.1.1	Jawatankuasa Penyelaras Program Bandar Selamat	119

3.6.1.2	Keahlian Jawatankuasa Penyelaras	121
3.6.1.3	Kriteria Pewujudan Bandar Selamat	121
3.6.1.4	Ciri-Ciri Bandar Selamat	123
3.6.1.5	Hubungkait Punca Kejadian dan Penyelesaian Jenayah	124
3.6.2	Skop dan Pendekatan	125
3.6.3	Strategi dan Pelaksanaan Mengurangkan Jenayah	126
3.6.4	Penyediaan Panduan Pelaksanaan	127
3.6.5	Perancangan Program Bandar Selamat	129
3.6.6	Dua Puluh Tiga Langkah Program Bandar Selamat	129
3.6.6.1	Reka Bentuk Persekitaran Fizikal	129
3.6.6.2	Memperkasakan Kawasan Sasaran (<i>Target Hardening</i>)	131
3.6.6.3	Kegiatan Sosial/Kemasyarakatan dan Pendidikan/ Kesedaran Awam	134
3.6.7	Lima Langkah Pelaksanaan Segera	135
3.7	Isu-Isu Dan Cabaran Pihak Berkuasa Tempatan Dalam Konteks Perancangan Bandar	137
3.8	Rumusan	139
 BAB EMPAT: KAJIAN KES: BANDARAYA ALOR STAR		
4.0	Pengenalan	141
4.1	Latar Belakang Negeri Kedah	141
4.1.1	Kedudukan Geografikal	141
4.1.1.1	Penduduk	144
4.1.2	Aspek Sosio-Ekonomi	145
4.1.2.1	Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)	145
4.1.2.2	Pekerjaan	147
4.1.3	Pembangunan Fizikal dan Reruang	148

4.1.3.1	Koridor Pembangunan Petempatan Bandar dan Desa	148
4.1.3.2	Gunatanah	150
4.1.3.3	Perumahan	152
4.1.3.4	Perhubungan dan Pengangkutan	153
4.2	Fungsi dan Peranan Bandar Alor Star	154
4.3	Perkembangan Pembangunan Bandaraya Alor Star	155
4.3.1	Sejarah Awal Alor Star (1770-1821)	155
4.3.2	Majlis Perbandaran Alor Star	156
4.3.3	Pembentukan Majlis Bandaraya Alor Star	157
4.4	Alor Star sebagai Bandaraya	157
4.4.1	Kriteria-kriteria Kenaikan Taraf sebagai Bandaraya	157
4.5	Keselamatan Awam Di Bandaraya Alor Star	162
4.5.1	Indeks Keselamatan Awam	162
4.5.1.1	Indeks Jenayah	162
4.5.1.2	Indeks Kemalangan	163
4.6	Dasar dan Program Bandar Selamat	165
4.6.1	Organisasi/Agensi dan Mekanisme	166
4.6.2	Perancangan	166
4.6.3	Peranan Pasukan Polis (PDRM)	167
4.6.4	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)	169
4.6.5	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD)	171
4.6.6	<i>Local Agenda 21</i> (LA 21)	173
4.7	Kawasan Kajian	174
4.7.1	Taman Sri Putra	175
4.7.2	Taman Wira (Taman Perumahan Awam Mergong)	177
4.7.3	Taman Tengku Tabor	179

4.7.4	Taman Nuri	181
4.7.5	Taman Mutiara	183
4.7.6	Taman Rakyat	185
4.8	Rumusan	187

BAB LIMA: METODOLOGI KAJIAN

5.0	Pengenalan	188
5.1	Proses Penyelidikan	188
5.2	Rekabentuk Penyelidikan	188
5.3	Kerangka Penyelidikan	192
	i) Peringkat 1: Pemahaman Awal.	192
	ii) Peringkat 2: Kajian Teoritikal Dan Pengumpulan Maklumat.	192
	a) Data Primer	193
	b) Data Sekunder	193
	iii) Peringkat 3: Analisis	194
	a) Analisis Diskriptif	194
	iv) Peringkat 4: Hasil Kajian dan Cadangan	194
5.4	Kajian Kes	196
5.5	Peringkat Pemilihan Tempat Kajian	196
5.6	Pengumpulan Data	197
	5.6.1 Metod Mengumpul Data	197
	5.6.2 Data Awalan	198
	5.6.3 Data Primer (Utama)	199
	5.6.4 Data Sekunder	200
5.7	Rekabentuk Persampelan Dan Prosedur	200
	5.7.1 Populasi Dan Persampelan	200

5.7.2	Teknik Persampelan	202
5.7.3	Saiz Sampel	202
5.8	Rekabentuk Soal Selidik	206
5.8.1	Soal Selidik Responden	206
5.8.2	Instrumen Soal Selidik	208
5.8.3	Temubual Agensi	209
5.9	Organisasi Kerja Luar	210
5.9.1	Persediaan Kerja Lapangan	210
5.9.2	Kajian Rintis	212
5.9.3	Penyeliaan Kerja Lapangan	214
5.10	Pemprosesan Data	215
5.10.1	Memasukkan Data	215
5.10.2	Pengesahan Data	216
5.10.3	Analisis Data	217
5.11	Kekangan Kajian	218
5.12	Rumusan	220
BAB ENAM: ASPEK KESELAMATAN AWAM DALAM PEMBENTUKAN BANDAR SELAMAT: ANALISIS DAN PENEMUAN		
6.0	Pengenalan	221
6.1	Analisis Latarbelakang Responden	223
6.1.1	Corak Demografi dan Etnik	223
6.1.2	Taraf Akademik	226
6.1.3	Sektor Pekerjaan dan Pendapatan	227
6.1.4	Status Pemilikan Perumahan dan Kenderaan	228
6.1.5	Tempat Bertugas	230
6.1.6	Kekerapan dan Tujuan Perjalanan	230

6.1.7	Tempoh Mendiami dan Keinginan Berpindah	231
6.1.8	Jarak Lokasi Ke Bandar	232
6.2	Analisis Pelaksanaan dan Keberkesanan	234
6.2.1	Persepsi Keselamatan Awam	235
6.2.2	Rekabentuk Fizikal dan Persekitaran	241
6.2.2.1	Analisis Rekabentuk Fizikal dan Persekitaran Dengan Persepsi Keselamatan Awam	244
6.2.3	Penglibatan Sosial dan Masyarakat	245
6.2.3.1	Analisis Penglibatan Sosial dan Masyarakat Dengan Persepsi Keselamatan Awam	248
6.2.4	Penilaian Aspek Kemudahan Keselamatan Komuniti	249
6.2.4.1	Analisis Aspek Kemudahan Keselamatan Komuniti Dengan Persepsi Keselamatan Awam	253
6.2.5	Penilaian Tanggapan Terhadap Jenayah	254
6.2.5.1	Faktor " <i>Fear Of Crime</i> " dan Persepsi Terhadap Jenayah	254
6.2.5.2	Persepsi Terhadap Jenayah dan Penglibatan Dalam Program Masyarakat.	256
6.2.6	Analisis Pelaksanaan Tugas dan Tanggungjawab Oleh Agensi	260
6.3	Analisis Rekabentuk Indeks Keselamatan dan Awam	264
6.4	Pencapaian Objektif Konsep Bandar Selamat	270
6.5	Persepsi Responden Ke Atas Aplikasi Konsep dan Peranan	271
6.6	Rumusan	273
 BAB TUJUH: ANALISIS KE ATAS PELAKSANAAN DAN KEBERKESANAN AGENSI		
7.0	Pengenalan	275
7.1	Objektif	275
7.2	Pendekatan Kajian	276

7.3	Persepsi ke atas Kefahaman Konsep Bandar Selamat	277
	7.3.1 Pemimpin Organisasi Kemasyarakatan	277
	7.3.2 Agensi Pembuat dan Pelaksana Dasar	279
7.4	Pandangan ke atas Pelaksanaan Konsep Bandar Selamat	280
7.5	Analisis Peranan Agensi dan Pemimpin Organisasi Kemasyarakatan dalam Pelaksanaan Konsep Bandar Selamat	282
	7.5.1 Peranan Agensi	282
	7.5.2 Jawatankuasa Keselamatan Daerah (JKKD)	285
	7.5.3 Peranan Jawatankuasa Keselamatan Penduduk	286
7.6	Analisis Pelaksanaan Konsep Kejiranan dan Penyertaan Awam dalam Taman Perumahan	288
7.7	Analisis Maklumbalas Pelancaran Khidmat 'Rakan Cop' di negeri Kedah	292
7.8	Analisis ke atas Publisiti Bandar Selamat dan <i>Local Agenda 21</i>	294
	7.8.1 Peranan Mengenai Bandar Selamat dan <i>Local Agenda</i> oleh MBAS	294
7.9	Analisis ke atas Agensi Pelaksana Bandar Selamat	295
7.10	Analisis Keperluan Dasar/Polisi dalam Pelaksanaan Konsep Bandar Selamat	298
7.11	Analisis Aspek Keselamatan Awam dalam Sistem Rekabentuk Perancangan Bandar	300
7.12	Analisis Penilaian Keberkesanan Program Bandar Selamat	303
	7.12.1 Kesan Setiap Program dan Aktiviti yang dijalankan	304
	7.12.2 Mengukur Keberkesanan Program yang dijalankan	304
	7.12.3 Sistem Pemantauan/Monitoring dalam Pelaksanaan Konsep Bandar Selamat	306
7.13	Rumusan	308

BAB LAPAN: RINGKASAN DAN RUMUSAN

8.0	Pengenalan	309
8.2	Ringkasan Keperluan dan Kepentingan Kajian	310
8.3	Rumusan Penemuan Hasil Kajian	314
8.4	Saranan Polisi / Dasar	318
	8.4.1 Dasar Keselamatan Awam dan Bandar Selamat	319
	8.4.2 Sistem Pelaksanaan dan Pemantauan	322
	8.4.3 Peningkatan Peranan Pihak Berkuasa Tempatan dan Penyelarasan Agensi	329
	8.4.5 Perancangan Fizikal	330
	8.4.6 Model Proses Tindakan dan Penyelesaian Ke Arah Pewujudan Konsep Bandar Selamat	335
	8.4.7 Indeks Pemantauan Bandar Selamat	337
8.5	Sumbangan Kajian	344
8.6	Kesimpulan	346

SENARAI JADUAL

Muka surat

1.1: Jumlah Penduduk dan Peratus Penduduk Bandar di Malaysia 2000-2010	5
1.2: Statistik Indeks Jenayah Malaysia 2000-2004	24
1.3: Statistik Indeks Jenayah Kedah 2000-2004	24
1.4: Statistik Indeks Jenayah Kota Star 2000-2004	24
1.5: Data Perumahan Mengikut Kategori Bagi Negeri Kedah	29
2.1: Corak Jenayah atau ' <i>Pattern of Crime</i> '	62
4.1: Keluasan Daerah dan Penduduk Tahun 2002-2020	142
4.2: Purata Kadar Pertumbuhan Tahun 2000-2020	145
4.3: Gunatenaga di Negeri Kedah	147
4.4: Unjuran Keperluan Perumahan tahun 2000 – 2020	152
4.5: Perhubungan dan Pengangkutan	154
4.6: Data Kemalangan Jalanraya	163
4.7: Kemalangan Jalanraya Mengikut Daerah	164
4.8: Jenis Kenderaan Terlibat dalam Kemalangan Jalanraya	164
4.9: Jenis dan Bilangan Unit Perumahan dalam Kawasan Kajian (Taman Perumahan)	174
5.1: Taman-Taman Perumahan Mengikut Kos dan Kadar Jenayah	196
5.2: Jenis dan Bilangan Unit Perumahan dalam Kawasan Kajian (Taman Perumahan)	204
5.3: Responden Mengikut Taman Perumahan	205
5.4: Kebolehpercayaan Pembolehubah Aspek Keselamatan Awam dalam Pembentukan Bandar Selamat	213
6.1: Taburan Responden mengikut Taman Perumahan	223
6.2: Taburan Jantina mengikut Taman Perumahan	223
6.3: Taburan Umur mengikut Taman Perumahan	224

6.4: Taburan Etnik mengikut Taman Perumahan	225
6.5: Taburan Status Perkahwinan mengikut Taman Perumahan	225
6.6: Taburan Taraf Akademik mengikut Taman Perumahan	226
6.7: Taburan Sektor Pekerjaan mengikut Taman Perumahan	227
6.8: Taburan Pendapatan Kasar Sebulan mengikut Taman Perumahan	228
6.9: Taburan Status Pemilikan Kediaman mengikut Taman Perumahan	228
6.10: Taburan Pemilikan Kenderaan mengikut Taman Perumahan	229
6.11: Taburan Tempat Bertugas/Bekerja mengikut Taman Perumahan	230
6.12: Taburan Ke kerap an ke Bandaraya Alor Star	230
6.13: Taburan Tujuan ke Bandaraya Alor Star	231
6.14: Taburan Lama Tinggal di Kawasan Kediaman mengikut Taman Perumahan	231
6.15: Taburan Keinginan untuk Menetap/Berpindah mengikut Taman Perumahan	232
6.16: Taburan Jarak Lokasi Kediaman dengan Bandar mengikut Taman Perumahan	232
6.17: Taburan Kemudahan Pondok Polis mengikut Taman Perumahan	233
6.18: Taburan Persepsi Keselamatan Awam	235
6.19: Tahap Persepsi Keselamatan Awam	240
6.20: Taburan Rekabentuk Fizikal dan Persekitaran	241
6.21: Tahap Rekabentuk Fizikal dan Persekitaran	244
6.22: Pengkaji Korelasi di Antara Rekabentuk Fizikal dan Persekitaran dengan Persepsi Keselamatan Awam	244
6.23: Taburan Penglibatan Sosial dan Masyarakat	245
6.24: Tahap Penglibatan Sosial dan Masyarakat	247
6.25: Pengkaji Korelasi di Antara Penglibatan Sosial dan Masyarakat dengan Persepsi Keselamatan Awam	248
6.26: Taburan Aspek Kemudahan Keselamatan Komuniti	249

6.27: Tahap Aspek Kemudahan Keselamatan Komuniti	253
6.28: Pengkaji Korelasi di Antara Aspek Kemudahan Keselamatan dan Komuniti dengan Persepsi Keselamatan Awam	253
6.29: <i>Crosstab</i> Jantina dengan Faktor “ <i>Fear of Crime</i> ”	254
6.30: <i>Crosstab</i> Jantina dengan Persepsi terhadap Jenayah	255
6.31: <i>Crosstab</i> Etnik dengan Persepsi terhadap Jenayah	256
6.32: <i>Crosstab</i> Etnik dengan Penglibatan dalam Program Masyarakat	257
6.33: Penilaian Tanggapan terhadap Jenayah	258
6.34: Aktiviti dan Masa Kurang Selamat Menjalankan Aktiviti	259
6.35: Perlaksanaan dan Tanggungjawab Aspek Keselamatan	260
6.36: Mengetahui Kegiatan Jenayah yang Berlaku di Kawasan Kediaman	260
6.37: Bagaimana mengetahui Kegiatan Jenayah	261
6.38: Kejadian Jenayah yang Sering Berlaku mengikut Kekerapan dalam tempoh 6 bulan	261
6.39: Kawasan/Jalan di Pusat Bandaraya Alor Star yang Kurang Selamat	263
6.40: Rekabentuk Persekitaran dan Tahap Keberkesanan Tindakan	264
6.41: Kes Jenayah yang Berlaku dan Dilaporkan	269
6.42: Sebab Tidak Melaporkan kepada Pihak Berkuasa	270
6.43: Pencapaian Objektif Konsep Bandar Selamat mengikut Keutamaan	270
6.44: Pemahaman Konsep Bandar Selamat	271
6.45: Mengetahui/mendengar mengenai Konsep Bandar Selamat	272
6.46: <i>Crosstab</i> Pemahaman Konsep Keselamatan Awam dengan Skor Persepsi terhadap Keselamatan Awam	272
6.47: <i>Crosstab</i> Pemahaman Konsep Bandar Selamat dengan Skor Keberkesanan Ciri-Ciri Bandar Selamat	273
8.1: Perlaksanaan 23 Langkah-langkah Pencegahan Jenayah: Program Bandar Selamat di Bandaraya Alor Star	338-343

SENARAI RAJAH

	Muka surat
2.1: Komponen Perancangan	34
2.2: Konsep Zon Berpusat	41
2.3: Model Kitaran Kemiskinan	44
2.4: Proses Asas Jenayah Bandar	46
2.5: Konsep Pembangunan Mampan	52
2.6: Heirarki Keperluan Maslow	71
3.1: Parameter Perancangan yang Optimum bagi Kawasan Perumahan.	112
3.2: Peringkat-Peringkat Penggubalan Dasar-Dasar Negara	115
3.3: Ciri-ciri dalam Bandar Selamat	123
3.4: Hubungkait Punca Kejadian dan Penyelesaian Jenayah	124
4.1: Lokasi Negeri Kedah	143
4.2: Purata Kadar Pertumbuhan Tahunan KDNK Negeri Kedah 1990-2000 (Harga 1978)	146
4.3: Kawasan Perkhidmatan Bandar dan Potensi Pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa	149
4.4: Gunatanah Negeri Kedah 2002	151
4.5: Taman Sri Putra	176
4.6: Taman Perumahan Awam Mergong	178
4.7: Taman Tunku Tabor	180
4.8: Taman Nuri	182
4.9: Taman Mutiara	184
4.10: Taman Rakyat	186
5.1: Kerangka Kajian	195
8.1: Model proses ke arah pewujudan Bandar Selamat yang diubahsuai dari Model Newman (1972) iaitu proses tindakan dan penyelesaian jenayah dalam kawasan bandar	336

SENARAI SINGKATAN

ALEC	American Legislative Exchange Council
BDA	Bintulu Development Authority
CCTV	Closed Circuit Television
CFO	Certificate of Fitness For Occupation
CMA	Crime Mapping Area
CPTED	Crime Prevention Through Environmental Design
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DPN	Dasar Pembangunan Nasional
DWN	Dasar Wawasan Negara
ELB	Enakmen Lembaga Bandaran
FBI	Federal Bureau of Investigation
GIS	Geographical Information System
ICT	Information Communication and Technology
ISA	Internal Security Act
JKKK	Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung
JKPN	Jawatankuasa Perancangan Negeri
JKT	Jabatan Kerajaan Tempatan
JPBD	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
JPN	Jabatan Penerangan Malaysia
JPNIN	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
KDAP	Kedah Development Action Plan
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KEMAS	Pusat Kemajuan Masyarakat
KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
KTN	Kanun Tanah Negara
LA 21	Local Agenda 21
LCP	Laporan Cadangan Pemaju
LRT	Light Rapid Transit
MCPF/YPJM	Malaysian Crime Prevention Foundation/ Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia
MIC	Malaysian Indian Congress
MNKT	Majlis Negara Kerajaan Tempatan
MPKS	Majlis Perbandaran Kota Star

MSC	Multimedia Super Corridor
MURNInet	Malaysia Urban Indicator Network Program
NGO	Non Governmental Organization/Pertubuhan Bukan Kerajaan
PBN	Pihak Berkuasa Negeri
PBPT	Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PDRM	Polis DiRaja Malaysia
PELITA	Pembangunan Dan Lindungan Tanah
PEMADAM	Persatuan Anti Dadah Malaysia
PINTAS	Pelan Tindakan Sosial Negara
PKS	Perusahaan Kecil dan Sederhana
PPK	Pusat Petempatan Kecil
PQLI/IKHF	Physical Quality Life Index/ Indeks Kualiti Hidup Fizikal
PSW	Pusat Separa Wilayah
PWN	Pusat Wilayah Negeri
RC	Rakan Cop
RELA/IRR	Ikatan Relawan Rakyat
RICO	Racketeer-Influenced And Corrupt Organization
RMK 9	Rancangan Malaysia Ke 9
RRJP2	Rangka Rancangan Jangka Pendek Ke Dua
RRJP3	Rangka Rancangan Jangka Pendek Ke Tiga
RT	Rukun Tetangga
SMS	Short Messages System
SPSS	Statistical Package for Social Science
TUDM	Tentera Udara DiRaja Malaysia
UDA	Urban Development Authority
UMNO	United Malays National Organization
UN	United Nation
UNDP	United Nation Development Programe
USA	United State of America
YDP	Yang Di Pertua
KIR	Ketua Isirumah

SENARAI LAMPIRAN

- LAMPIRAN I** : Borang Soal Selidik Orang Awam
- LAMPIRAN II** : Borang Temubual Pengerusi Taman Perumahan dan Agensi – Agensi Kerajaan
- LAMPIRAN III** : Borang Format Pemantauan Program Bandar Selamat
- LAMPIRAN IV** : Kajian Rintis
- LAMPIRAN V** : Pelaksanaan 23 Langkah-Langkah Pencegahan Jenayah: Program Bandar Selamat
- LAMPIRAN VI** : Laporan Bergambar Program Bandar Selamat Bagi Majlis Bandaraya Alor Star

ASPEK KESELAMATAN AWAM DALAM PEMBENTUKAN BANDAR SELAMAT DI MALAYSIA: KAJIAN KES ALOR STAR, KEDAH

ABSTRAK

Pelbagai pendekatan telah diperkenalkan dan diamalkan dalam mempertingkatkan aspek keselamatan awam di bandar. Objektif yang terpenting adalah untuk mempertingkatkan kepentingan keselamatan awam, terutama dilihat daripada sudut kadar jenayah, di samping mengekalkan taraf kualiti hidup masyarakat bandar agar terjamin dan selamat sejahtera. Bagi mengekalkan keharmonian dan jaminan keselamatan kepada suatu tahap yang memuaskan, suatu pendekatan diperkenalkan oleh kerajaan, iaitu menerusi konsep Bandar Selamat, yang diperkenalkan pada awal tahun 2004 untuk dipraktikkan ke seluruh negara. Tujuan utama kajian ini adalah untuk melihat samada konsep ini sudah difahami dan telah dilaksanakan khususnya di bandaraya Alor Star. Persoalan utama dalam kajian ini adalah untuk melihat tahap keselamatan melalui konsep Bandar Selamat yang merupakan pendekatan baru bagi negara ini dalam memperkukuhkan peraturan dan penguatkuasaan undang-undang bagi tujuan pencegahan jenayah di seluruh Malaysia. Konsep Bandar Selamat juga bertujuan membentuk persekitaran bandar dan taman-taman perumahan yang selamat dan aman sejahtera, iaitu bebas daripada cengkaman jenayah, melalui prinsip rekabentuk persekitaran yang selamat, memperkasakan kawasan sasaran dan pembangunan komuniti melalui kegiatan sosial dan kemasyarakatan. Di antara penemuan utama kajian adalah ketiadaan keseragaman peranan agensi dalam menjayakan konsep Bandar Selamat. Konsep Bandar Selamat lebih tertumpu kepada keselamatan umum dan keselamatan harta benda. Di samping itu penemuan turut menunjukkan ketiadaan suatu dasar atau polisi khusus sebagai panduan tetap dan lengkap untuk dipraktikkan oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia.

ASPECTS OF PUBLIC SAFETY IN DEVELOPING SAFE CITIES IN MALAYSIA: A CASE STUDY OF ALOR SETAR, KEDAH

ABSTRACT

Various approaches have been introduced and put into practice towards the enhancement of the aspects of public safety within cities. The key objective of these approaches is to increase the criticality of public safety, principally from the aspect of the crime rate, and also to sustain quality of life levels of city dwellers in terms of security and fulfillment. In an effort to foster a harmonious society and assure public safety to a satisfactory level, the government has introduced a novel approach called the “Safe City” concept in early 2004 to be implemented throughout the country. The main purpose of this study is to gauge the level and understanding and implementation specifically in the city of Alor Setar, Kedah. The over arching research question of this study focuses on the changing level of public safety as a consequence of the implementation of the “Safe City” concept, which is a new approach to strengthen rules and regulations and enforcement to minimize the crime rate throughout Malaysia. The “Safe City” concept was also created to establish the safe environment and residential areas that are crime-free through the design of a safe environment, strengthening target areas and community development through community and social activities. The main findings gleaned from this study show a lack of uniformity of the roles played by agencies to ensure the success of the “Safe City” concept. The objective of the “Safe City” concept is more on the overall safety aspects and the safety of properties and does not cover other aspects. The study also indicates the lack of knowledge of what the “Safe City” concept actually is and also the lack of policies that act as a complete and permanent guide for implementation.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Semenjak mencapai kemerdekaan empat puluh tujuh tahun dahulu, Malaysia telah memberi tumpuan kepada pembangunan negara dari semua dimensi untuk kepentingan semua penduduknya. Usaha berterusan ini bertujuan memperbaiki taraf hidup rakyatnya terutama mereka yang tergolong dalam kategori miskin. Di Malaysia pengiktirafan hak rakyat untuk mendapat manfaat hasil kemajuan pembangunan negara, sememangnya menjadi tanggungjawab kerajaan di samping mewujudkan suasana yang menggalakkan pertumbuhan sosio-ekonomi negara (Maimunah, 1998). Keadaan ini dapat dilihat melalui strategi utama negara iaitu Dasar Ekonomi Baru, (1970-1990) dan Dasar Pembangunan Nasional (1991-2000) serta Wawasan 2020 yang telah memberi tumpuan kepada pembangunan. Pembangunan pada hakikatnya dinikmati oleh semua lapisan masyarakat (Rancangan Malaysia Ke Sembilan, 2006).

Malaysia dan negara-negara membangun yang lain mengalami kepesatan pertumbuhan bandar sejak tahun 1970-an lagi, malah ia dikatakan terpesat di Asia Tenggara pada tahun 1980-an. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh perkembangan sektor ekonomi baru. Fenomena tersebut berterusan sehingga ke hari ini meskipun negara mengalami beberapa kerumitan akibat kemelesetan ekonomi di penghujung abad ke-20 (Unit Perancang Ekonomi , 2002).

Proses perbandaran di Malaysia melibatkan pelbagai aktiviti ekonomi, pergerakan barangan dan manusia. Pembangunan dan pertumbuhan bandar yang tidak terkawal serta sistem bandar yang tidak tersusun di peringkat awal pembentukannya menyebabkan pelbagai isu wujud di bandar-bandar utama seperti Kuala Lumpur, Georgetown, Johor Bahru dan tidak ketinggalan Alor Star. Peningkatan pembangunan turut menjadikan keluasan kawasan bandar bertambah sempit dan persekitaran yang ideal untuk kehidupan penduduk semakin terhad (Zainuddin Muhamad, 1999).

Kesan perubahan ruang bandar terhadap kualiti hidup sosial bandar amat besar. Selain mengganggu ekosistem dan ekologi bandar itu sendiri, ia turut menjejaskan tahap kesihatan dan keselamatan penduduk, meminimumkan persekitaran yang selesa dan nilai sosial masyarakat (Halimatun Saadiah, 2000).

Perancangan dan pembangunan persekitaran yang selamat dapat diwujudkan melalui pelaksanaan prinsip pembangunan mampan serta menfokuskan kepada manusia "*sustainable people centred development model*". Penekanan juga harus diberikan kepada jalinan tiga hubungan manusia dengan pencipta, manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan alam. Ketiga-tiga jalinan ini harus ditetapkan melalui mekanisme sistem perancangan sedia ada serta konsep-konsep perancangan. Perancangan dan pembangunan persekitaran yang selamat adalah tepat pada masanya dilaksanakan kerana dari segi perancangan, cabaran yang dihadapi bukan hanya untuk menjamin perkembangan ekonomi tetapi mencapai perpaduan dan kesejahteraan berasaskan lunas keselamatan (Zainuddin Muhamad, 1999).

1.0.1 Imbasan Perkembangan Pembangunan Bandar di Malaysia

Perkembangan sektor bandar memainkan peranan penting dalam mencapai pembangunan negara. Tahap perbandaran negara telah meningkat dari 34.2 peratus pada tahun 1980 kepada 50.7 peratus pada tahun 1991 dan 61.8 peratus pada tahun 2000. Tumpuan penduduk di kawasan bandar terutamanya bandar-bandar utama telah meningkat dan dijangka berterusan. Dengan peningkatan ini, timbul keperluan kepada proses perbandaran secara lebih terancang dan dilaksanakan secara sistematik bagi meningkatkan kualiti hidup di samping menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, 2004).

Potensi perkembangan bandar seharusnya dirancang sebaik mungkin selaras dengan perubahan teknologi dan globalisasi, supaya dapat memberi sumbangan yang maksimum kepada pembangunan negara. Bandar dilihat sebagai ejen pertumbuhan ekonomi di mana ianya mempunyai peranan yang amat penting di dalam pencapaian wawasan ke arah negara maju menjelang tahun 2020. Sepertimana yang ditekankan di dalam Doktrin Perancangan dan Pembangunan Sejahtera, kualiti perbandaran perlu dipelihara untuk menjamin pembangunan insan yang mempunyai nilai-nilai positif seperti adil, ehsan, amanah, berilmu, toleransi, mesra dan keprihatinan (Lukman, 2000).

Pembangunan amat penting untuk kemajuan sesebuah negara. Setiap pembangunan itu perlu dirancang dengan rapi dan diseimbangkan antara pembangunan fizikal, ekonomi dan sosial. Akibat daripada tiada perancangan rapi maka akan wujudlah pelbagai masalah. Dunia turut menghadapi krisis akibat dari pembangunan yang tidak dirancang dengan sempurna. Kesannya wujud masalah kepada persekitaran dan manusia seperti jenayah, kemiskinan, kelaparan,

kesesakan, petempatan, buta huruf, pencemaran dan sebagainya yang mengakibatkan tahap kualiti hidup di bandar-bandar semakin merosot (Rohana Yusof, 1999), (Walmsley, D.J, 1988).

Hakikat sebenar kini, pembangunan bandar sedia ada menghadapi pelbagai masalah fizikal dan sosial ekoran daripada pembangunan yang tidak terkawal atau ketidakseimbangan pembangunan. Isu-isu seperti petempatan-petempatan segera, kesesakan lalulintas, banjir kilat, tanah runtuh, pencemaran udara dan air, jenayah dan sebagainya merupakan permasalahan semasa bagi kawasan bandar. Ini ditambah pula dengan ketiadaan arah tuju pembangunan sesebuah bandar akibat daripada penglibatan pelbagai pihak dengan agenda-agendanya yang tersendiri (Rahimah, 2000).

Perkembangan ekonomi negara menggalakkan proses perbandaran berlaku. Faktor kemiskinan di bandar dikatakan berlaku oleh perpindahan penduduk desa yang sedia miskin ke bandar menyebabkan proses perbandaran di Malaysia sejak 1970 hingga tahun 2000 telah dianggap sebagai salah satu faktor berlakunya insiden kemiskinan dari luar bandar ke bandar (Syed Husin Ali, 1978).

Kadar pertambahan penduduk yang tinggal di bandar telah meningkat dengan pesat sekali jika dibandingkan dengan pertambahan penduduk seluruh negara. Pada tahun 1970 didapati 26.8 peratus penduduk tinggal di bandar. Peratusan ini telah meningkat kepada 34.2 peratus pada 1980 dan terus meningkat dengan kadar yang lebih cepat kepada 50.6 peratus pada 1991 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 1995).

Pertambahan penduduk di kawasan bandar berlaku dengan pesatnya, disebabkan oleh daya penarik dari bandar seperti peluang pekerjaan di sektor perindustrian dan pembinaan telah menarik minat golongan belia berhijrah ke bandar. Sektor ini berkembang pesat terutama pada akhir dekad 1980-an dan awal 1990-an dan telah menjadi faktor tarikan kepada penduduk-penduduk desa untuk berhijrah ke bandar. Perpindahan mereka sering dikaitkan dengan perpindahan kemiskinan yang sedia ada di kawasan luar bandar kini yang semakin merebak ke bandar-bandar di seluruh negara (Nik Hashim, 1996).

Berdasarkan kepada tren yang lepas, Jabatan Perangkaan Malaysia telah membuat unjuran bahawa penduduk bandar akan mencapai paras 62 peratus pada 2000, dan dijangka meningkat kepada 63 peratus pada tahun 2005. Pada tahun itu penduduk negara mencapai ke angka 26.75 juta dan unjuran pada tahun 2010 penduduk bandar dijangka mencapai paras 63.8 peratus (Jadual 1.1).

Jadual 1.1: Jumlah Penduduk dan Peratu Penduduk Bandar di Malaysia 2000-2010

Tahun	Jumlah Penduduk	Penduduk Bandar (%)
2000	23.49	62
2005	26.75	63
2010	28.96	63.8

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2007.

Di abad ke-21 ini pembangunan dan pengurusan pusat bandar merupakan satu tugas yang semakin rumit dan mencabar. Pembangunan ini perlu dilihat dalam konteks bagaimana penduduk bandar dapat mencapai tahap kehidupan yang bersesuaian dengan taraf sebagai sebuah negara maju yang akan dicapai menjelang 2020. Dalam konteks ini, wujud keperluan untuk menilai dan meningkatkan keupayaan masyarakat secara berterusan di persekitaran bandar ke arah kehidupan

yang lebih selesa bagi penghuni bandar. Ini dapat dicapai dengan menyediakan dan menggalakkan usaha memberi kesedaran mengenai kualiti hidup di bandar, menyediakan peluang yang sama di kalangan masyarakat bandar pelbagai keturunan, kelas dan daerah untuk meningkatkan kualiti hidup mereka, memperbaiki secara berterusan pengurusan, perkhidmatan dan prasarana perbandaran, mempraktikkan ketelusan dan bertanggungjawab dari membangunkan pusat rundingan tempatan dan serantau untuk menggalakkan penjanaaan idea dan pertukaran budaya (Berita Harian, 20 November 2004).

Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia pada tahun 2004 telah meluluskan resolusi bahawa perancangan bandar sebagai suatu kegiatan utama negara di dalam menilai dan mengkaji semula institusi perancangan bandar dan desa sebagai pusat kecemerlangan negara di dalam dan luar bandar. Ia juga bertujuan mewujudkan kesedaran awam tentang betapa pentingnya bidang perancangan bandar yang positif, demi menjamin persekitaran dan kualiti hidup yang baik di bandar selaras dengan kepakaran sosial, ekonomi dan alam sekitar (Berita Harian, 16 Oktober 2004).

1.0.2 Keselamatan Awam (Jenayah) di Malaysia – Satu Tinjauan

Mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Muhammad telah menyempurnakan pelancaran penubuhan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (*Malaysia Crime Prevention Foundation*) pada bulan Januari 1993. Tertubuhnya Yayasan tersebut, Malaysia telah mengesahkan terlibat secara langsung dalam forum perancangan pencegahan jenayah yang telah dilaksanakan oleh Bangsa-bangsa Bersatu melalui *Asia Crime Prevention Foundation* di Shizuoka, Jepun. Walaupun Yayasan Pencegahan Jenayah yang ditubuhkan itu merupakan badan

bukan kerajaan (NGO) namun mandat yang diberikan oleh kerajaan membolehkan badan ini memainkan peranannya dan bertanggungjawab dalam melaksanakan pelbagai program pencegahan jenayah di Malaysia.

Selain dari penguatkuasaan undang-undang lain seperti Pasukan Polis Di Raja Malaysia (PDRM), Yayasan tersebut juga menjadi teraju utama untuk berdepan dengan pelbagai isu berkaitan jenayah. Matlamat utama Yayasan adalah untuk menyumbang ke arah pencegahan jenayah dan menyediakan segala bentuk bantuan terutama dari segi pemulihan kepada mangsa jenayah, pelaku jenayah dan kesedaran kepada masyarakat umum. Objektif utama Yayasan adalah untuk memastikan keamanan dan kestabilan negara tidak akan terjejas akibat pengaruh aktiviti jenayah. Program-program yang telah dirancang dan dilaksanakan ialah aktiviti penyelidikan, program bercorak pendidikan, mewujudkan kerjasama antara pelbagai pihak untuk menangani isu-isu jenayah dan pelaksanaan sistem keadilan jenayah. Hanya melalui langkah-langkah ini diharapkan agar matlamat untuk memberi kesedaran yang mendalam dan berterusan di kalangan anggota masyarakat mengenai isu-isu yang berkaitan dengan jenayah dapat dicapai. Di samping itu kerjasama erat perlu di pupuk di antara agensi-agensi kerajaan mahupun bukan kerajaan serta kesepakatan antara orang perseorangan dan syarikat-syarikat perdagangan.

Insiden kegiatan jenayah di Malaysia dianggarkan telah mencecah 70 ribu kes bagi tempoh 10 tahun (1990-2000) mengikut mantan Tun Dr. Mahathir Mohammad (Unit Perancang Ekonomi, 2002). Jenayah adalah satu masalah sosial yang melibatkan semua pihak. Semua anggota masyarakat perlu bekerjasama dalam menangani isu-isu yang berkaitan dengan jenayah, terutamanya aspek pencegahan.

Pertubuhan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia membuktikan bahawa pihak kerajaan (Negara) begitu komited dalam menangani permasalahan jenayah (*Malaysia Crime Prevention Foundation, 1993*).

Secara umumnya tren jenayah di Malaysia didapati mempunyai persamaan dengan apa yang berlaku di negara maju, hanya yang membezakannya adalah jumlah kes dan kadarnya. Terdapat empat jenis kesalahan atau kes utama dalam Indeks Jenayah yang boleh dicegah, iaitu tiga dalam kategori jenayah harta benda dan satu dalam kategori jenayah kekerasan. Kesalahan-kesalahan tersebut ialah rompakan termasuk rompakan bersenjata api, kes mencuri kenderaan bermotor, pecah rumah dan kes mencuri di waktu siang dan malam hari serta kes-kes kecurian yang lain-lain (Mohd Reduan Aslie, 1990).

Terdapat juga kategori jenayah lain selain dari Indeks Jenayah. Jenayah ini termasuklah insiden penyalahgunaan dadah, jenayah kolar putih (jenayah komersial), sindekot haram dan perjudian. Pelbagai faktor sosio-ekonomi telah dikenal pasti mempengaruhi tren dan tren jenayah di Malaysia. Walaubagaimanapun, tiada suatu faktor secara tepatnya dapat dianggap sebagai penyebab utama. Banyak kajian dan pengamatan telah mendapati bahawa jenayah tidak semestinya meningkat seiring dengan perkembangan ekonomi sahaja (Shelley & Katon, 1992).

Kedaaan sosioekonomi yang terhasil akibat proses pembangunan boleh menyebabkan wujudnya lebih banyak peluang untuk memungkinkan terjadinya jenayah. Faktor-faktor utama seperti perbezaan pendapatan, mobiliti sosial, penghijrahan penduduk dari luar bandar ke bandar, terhakisnya hubungan kekeluargaan, pembangunan yang kurang seimbang dari segi ekonomi dan sosial

dan perkembangan teknologi moden sedikit sebanyak mempengaruhi tren peningkatan jenayah di Malaysia. Dalam hal ini angkubah demografi seperti komposisi penduduk dan struktur penduduk mempunyai pengaruh yang agak lebih ketara terhadap insiden jenayah (Institut Tadbiran Awam Negara, 1994).

Kawasan perumahan menjadi sasaran kegiatan jenayah seperti kes kecurian, rompakan, kejadian pecah rumah siang dan malam hari. Keadaan ini telah mengakibatkan tercetusnya perasaan bimbang dan kurang senang di kalangan penduduk terutama kawasan bandar. Jenayah menjadi suatu masalah sosial yang menjejaskan kehidupan masyarakat, malahan turut mengongkang kehidupan fizikal atau pun emosional mereka. Langkah-langkah untuk membanteras kejadian jenayah perlu dilakukan sebelum menjejaskan kehidupan seharian masyarakat setempat. Di bawah Rancangan Malaysia ke-9 kerajaan Malaysia telah memperuntukkan perbelanjaan RM 21.2 billion untuk sektor keselamatan dan sebanyak RM 4.9 billion disediakan bagi keperluan Polis Di Raja Malaysia (Rancangan Malaysia Ke-9, 2006).

1.0.3 Bandar Selamat: Satu Tinjauan Awal di Malaysia.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, pelaksanaan Bandar Selamat telah menjadi salah satu agenda utama di dalam pembangunan negara dewasa ini. Tanpa aspek keselamatan dalam kehidupan bandar, adalah sukar bagi masyarakat untuk mencapai kesejahteraan hidup. Berdasarkan statistik Polis Di Raja Malaysia (PDRM), bagi tempoh 20 tahun (1984-2003) kadar jenayah telah melonjak naik mulai tahun 1996 dengan 87,902 kes kepada 121,176 kes pada tahun 1997 (iaitu peningkatan sebanyak 37.85 peratus). Seterusnya jumlah kes jenayah direkodkan dalam lingkungan 128,000 hingga 169,000 kes pada tahun-tahun berikutnya. Pada tahun 2003, misalnya jenayah harta benda adalah kira-kira 85.4 peratus dari jumlah

keseluruhan kes jenayah (iaitu 133,525 kes berbanding 156,315 kes keseluruhan). Mengikut statistik kes jenayah di negara Malaysia didapati meningkat sejak 1997. Walaubagaimanapun secara amnya ia jauh lebih kecil jika dibandingkan dengan negara maju yang lain seperti Kanada, Jerman, Perancis dan Austria. Contohnya, nisbah jenayah di negara ini ialah 820 bagi setiap 100,000 orang berbanding 8,121 di Kanada, 7,628 di Jerman, 7,002 di Perancis, 1,085 di Hong Kong, 2,250 di Jepun, 7,475 di Australia dan 703 di Singapura (Berita Harian, 16 dan 19 Oktober 2004).

Usaha ke arah mewujudkan Bandar Selamat telah pun dilaksanakan oleh beberapa badan bukan kerajaan seperti Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia semenjak awal tahun 90-an lagi. Dijangkakan Bandar Selamat akan melahirkan suatu bentuk kehidupan komuniti sejahtera yang mantap dan lebih baik tanpa sebarang gangguan dan sekatan (Pease. K, 1997).

Program Rukun Tetangga menerusi rondaan kawasan perumahan merupakan antara usaha bagi membanteraskan kegiatan jenayah. Sehingga pada 9 Mac 1998, Dato Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak sebagai EXCO Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (YPJM) telah meluluskan cadangan konsep Bandar Selamat sebagai satu inisiatif pencegahan jenayah di Malaysia. Dengan inisiatif tersebut dua projek percubaan telah dicadangkan untuk dilaksanakan di Kuala Lumpur iaitu, Bangsar Baru dan Rumah Awam Sri Johor, Cheras. Projek di Bangsar diteruskan namun projek di Cheras telah ditangguhkan di atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Terdapat cadangan bahawa konsep Bandar Selamat dilaksanakan di Pusat Bandaraya Kuala Lumpur, namun pihak kerajaan berpendapat pada peringkat permulaan ini, konsep tersebut adalah lebih sesuai dilaksanakan di kawasan

perumahan berbanding dengan pusat bandar yang mempunyai gunatanah yang kompleks (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, 2004).

YAB Perdana Menteri di dalam Mesyuarat Kabinet pada 28 Januari 2004 telah menyatakan kebimbangannya terhadap bilangan jenayah yang semakin meningkat di negara ini. Susulan daripada mesyuarat tersebut Jemaah Menteri telah mencadangkan supaya diwujudkan bandar dan pekan yang selamat, sebagai langkah untuk mencegah jenayah. Pelan pembangunan pekan dan bandar baru yang dirancang perlu mengambil kira aspek-aspek keselamatan. Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) telah menggariskan 23 langkah pencegahan jenayah untuk dilaksanakan pada peringkat pihak berkuasa tempatan (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, 2005).

Pelaksanaan konsep Bandar Selamat menjadi satu daripada agenda utama dalam pembangunan negara. Tanpa aspek keselamatan dalam kehidupan bandar, sukar bagi rakyat mendapat kesejahteraan hidup. 'Bandar Selamat, Rakyat Sejahtera' membawa maksud bandar yang bebas daripada semua ancaman fizikal, sosial dan gangguan mental. Bandar Selamat, rakyat sejahtera juga dapat ditakrifkan sebagai bandar yang sentiasa berada dalam keadaan terpelihara daripada segala gejala yang boleh mengancam kesejahteraan masyarakat. Dengan wujudnya suasana sedemikian, masyarakat akan sentiasa berada dalam keadaan sejahtera, aman dan selesa. Terdapat empat takrifan Bandar Selamat iaitu:

- i) Bandar yang bebas daripada keganasan yang merosakkan harta benda dan nyawa seperti kejadian ragut, pecah rumah, kecurian dan sebagainya.
- ii) Bandar yang bebas daripada kemusnahan dan malapetaka berikutan bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh.

- iii) Bandar yang bebas daripada kemerosotan sosial dan moral seperti penagihan dadah, rasuah, pelacuran, jenayah kolar putih dan sebagainya.
- iv) Bandar yang bebas daripada kemalangan dalam dan luar bangunan, seperti kemalangan jalan raya, kebakaran dan jatuh dari bangunan. (Berita Harian, 26 Oktober 2004).

Secara amnya, “Bandar Selamat” adalah bandar yang bebas daripada semua ancaman fizikal, sosial dan mental. Persekitaran pula sentiasa berada dalam keadaan terpelihara dan tidak menimbulkan suasana yang boleh menggalakkan kepada berlakunya kejadian yang menganggu jentera kesejahteraan setempat. Selain itu, penghuninya sentiasa dalam keadaan yang paling selamat, sejahtera, sihat, ceria dan dapat menjalankan hidup dengan penuh keyakinan (Berita Harian, 26 Oktober 2004).

Mengikut Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Ong Kah Ting, di antara langkah-langkah awal yang perlu di ambil adalah seperti melantik jawatankuasa, menjalankan kajian kes jenayah, mengadakan perbincangan dengan NGO, ahli-ahli profesional, urusetia dan agensi-agensi terlibat, mengenal pasti kawasan sering berlaku jenayah serta mencadangkan kawasan yang memerlukan pemasangan CCTV (*Closed circuit television*) (The Star, 18 Jun 2004).

Berdasarkan tema ‘Bandar Selamat, Rakyat Sejahtera’ sempena Hari Perancangan Bandar Sedunia di Malaysia pada tahun 2004 yang disambut pada bulan November setiap tahun, usaha melahirkan persekitaran bandar atau pekan yang moden dan selamat untuk didiami, bekerja dan melakukan kegiatan harian untuk semua orang menjadi lebih penting. Dalam usaha mengurangkan jumlah

jenayah dan mengatasinya daripada terus berleluasa, perancangan bandar perlu sedar kepentingan inovasi dalam penyediaan susunatur perumahan dan bangunan daripada aspek keselamatan dan jenayah (Berita Harian, 16 September 2004).

Menyedari hakikat ini, kerajaan mewajibkan 145 pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara melaksanakan 'Program Bandar Selamat' dengan mematuhi 23 langkah yang telah digariskan oleh Kerajaan Tempatan bagi memerangi kegiatan jenayah dan penyalahgunaan dadah. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menyatakan semua PBT perlu menerima pakai Konsep Bandar Selamat termasuk dari aspek perancangan fizikal dan kelulusan pelan yang mampu mengelak daripada wujudnya tempat yang boleh mengundang jenayah. Menurutnya, buku panduan 'Program Bandar Selamat' yang mengandungi ilustrasi 23 langkah pencegahan jenayah yang diterbitkan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) diedarkan kepada semua PBT sebagai rujukan (Berita Harian, 12 Oktober 2004).

Kajian persepsi kualiti hidup bandar dan keselamatan awam telah dijalankan di Bandaraya Ipoh, Johor Bahru, Kota Kinabalu, Kuala Lumpur, Kuantan dan Kuching. Hasil kajian menunjukkan sejumlah 81.5 peratus daripada responden "berpuas hati" atau sangat berpuashati dengan isu yang dibangkitkan mengenai keselamatan awam seperti keselamatan jalan raya dan keselamatan kawasan kediaman. Mereka hanya menyuarakan kebimbangan tentang masalah kehadiran penagih dadah, isu pendatang tanpa izin dan keselamatan untuk bergerak pada waktu malam iaitu mewakili 28.8 peratus. Di kawasan awam bandar yang dikaji, hampir satu perlima daripada responden menyatakan kebimbangan dengan isu pendatang tanpa izin. Sebanyak 93.9 peratus daripada responden merasakan

selamat untuk bergerak pada waktu siang, hanya 59.4 peratus sahaja yang merasakan selamat untuk bergerak pada waktu malam (Unit Perancang Ekonomi, 2002).

1.0.4 Konsep Bandar Selamat di Negara Maju – Satu Tinjauan

Pembangunan manusia merupakan proses memperluaskan pilihan yang boleh dicapai oleh semua penduduk sesebuah negara untuk meningkatkan kualiti hidup, tingkat pelajaran dan penyediaan kemudahan asas seperti tempat tinggal yang selesa, bekalan air dan api, pembuangan najis dan sampah serta alam sekitar yang bersih daripada segala jenis pencemaran. Secara ringkasnya matlamat pembangunan manusia adalah untuk mempertingkatkan produktiviti bagi tujuan menambahkan pendapatan agar dapat terus hidup dalam keadaan selesa dan aman, sihat serta selamat dari segala bentuk ancaman dan wabak. Sehubungan dengan itu *United Nation Development Programme* (UNDP) telah membentuk indeks pembangunan manusia yang mempunyai tiga elemen terpenting, iaitu jangka hayat, tingkat pendapatan dan kualiti hidup sesebuah negara (UNDP, 1992). Indeks ini selaras dengan Indeks Kualiti Hidup Fizikal (PQLI) yang digunakan oleh Morris (1979), iaitu menggunakan pembolehubah celik huruf, kematian bayi dan jangka hayat.

Konsep Bandar Selamat atau '*safe city*' bukanlah merupakan satu perkara baru dari segi perspektif kriminologi di United Kingdom. Program ini telah dimulakan sejak 1980-an lagi. Program ini telah dirangkakan sebagai satu inisiatif yang praktikal untuk mengurangkan insiden jenayah, khususnya di persekitaran kawasan kediaman, melalui kerjasama dengan agensi awam dan swasta (Crawford, 1998). Program ini berlandaskan prinsip mencegah jenayah sebelum masalah lain muncul

disebabkannya, iaitu konsep "*prevention is better than cure*" dan menolak amalan konvensional pencegahan jenayah (menangkap, mendakwa, memenjara dan memulihkan penjenayah), yang disifatkan sebagai jauh lebih tinggi kosnya. Program Bandar Selamat dilaksanakan secara berperingkat dengan melibatkan puluhan bandar di Britain seperti di Birmingham, Hull, Nottingham, Bradford, Rochdale, Sunderland, Wolverhampton dan Tower Hamlet (Tilly dan Webb, 1994). Apabila tumpuan serius ke arah keselamatan dan kesejahteraan masyarakat setempat diutamakan maka akan melahirkan persekitaran yang bukan sahaja selesa tetapi selamat dari ancaman jenayah yang sangat dibimbangi itu.

Di negara Barat, usaha praktikal ini sebenarnya lebih berjaya menangani masalah jenayah dengan menggunakan pendekatan pencegahan jenayah berorientasikan komuniti secara komprehensif. Akhirnya matlamat mengurangkan insiden jenayah, perasaan takutkan jenayah atau '*fear of crime*' akan berkurangan dan akhirnya akan melahirkan bandar yang benar-benar selamat. Lantaran itu Bandaraya Honokiki, Amerika Syarikat telah melaksanakan konsep bandaraya selamat dengan mengambil beberapa langkah inovatif dalam membendung kegiatan perlakuan jenayah (Weker, & Whitzman, 1995). Langkah-langkah berikut adalah:

- i) Masyarakat dan rondaan berbasikal
- ii) Pengawasan melalui video
- iii) Pasukan khas di pusat Bandaraya
- iv) Peraturan keselamatan
- v) Program pemuda
- vi) Program pengawasan kejurangan

Di England pula, program Bandar Selamat telah menyediakan 16 buah projek tempatan termasuklah di Scotland dan Northern Ireland. Di Nottingham, suatu peruntukan sejumlah wang yang agak besar digunakan bagi menentukan kos dan sumber kewangan bagi menjalankan aktiviti pencegahan jenayah di seluruh pusat bandar. Tumpuan yang diberikan ialah pembaikan lampu jalan, keselamatan tempat letak kereta, keselamatan pengangkutan awam, meningkatkan tahap keselamatan di premis kediaman dan pusat perniagaan, meningkat tahap keselamatan wanita dan golongan tua, menitikberatkan pemasangan kunci, keselamatan di perhentian bas, taman rekreasi dan stesen keretapi. Keutamaan yang ditumpukan dalam projek Bandar Selamat di Britain ini melibatkan semua pihak samada agensi kerajaan atau swasta. Kepentingan awam diletakkan sebagai asas kepada pembentukan masyarakat bandar yang selamat dan sejahtera (Poyner, B. 1983).

Manakala di Toronto, suatu jawatankuasa khas Bandar Selamat telah dibentuk yang terdiri daripada organisasi komuniti, ahli politik, pihak kerajaan dan swasta dalam membentuk strategi untuk pencegahan jenayah keganasan terhadap wanita khususnya dan pada kepentingan umum, amnya. Tumpuan diberi kepada bagaimana mengatasi masalah jenayah dan penyaluran sumber maklumat dalam membantu membentuk badan pencegahan jenayah di peringkat komuniti kejiranan. Pihak berkuasa tempatan pula telah membentuk suatu panduan khusus kepada pembangunan bandar di mana persekitaran fizikal bandar dan ruang awam mestilah mengutamakan keselamatan. Hasilnya bandar Toronto dapat membuktikan bahawa strategi pencegahan jenayahnya berjaya membendung jenayah (Kylie Eastly, 1997) dan (Davies, 1969).

Kajian persepsi awam terhadap keselamatan awam di bandar Milwaukee, Amerika Syarikat mendapati bahawa penduduk Milwaukee merasai selamat tinggal di rumah yang berjiran. Bagaimanapun mereka merasai bahawa kejadian jenayah terus meningkat di sekitar kawasannya. Hasil kajian juga mendapati kadar jenayah di bandar Milwaukee tidak berubah jika dibandingkan dua tahun kemudiannya, namun kadar jenayah menurun di pinggir bandar. Manakala mereka yang terlibat menjadi mangsa pula adalah mereka yang terdiri daripada golongan muda (kanak-kanak), golongan tua, golongan miskin, kurang berpendidikan, mereka yang masih bujang dan golongan yang sudah pencen. Penilaian terhadap perkhidmatan polis pula didapati sokongan tinggi diperolehi atau berpuashati di kalangan penduduk pinggir bandar Milwaukee dan kurang mendapat sokongan tinggi atau tidak berpuashati di kalangan mereka yang tinggal di pusat bandar. Pandangan awam lebih menyokong pendekatan ke arah pemulihan dan pencegahan berbanding pendekatan menghukum penjenayah. Di bandar Milwaukee termasuk jajahannya kerajaan negeri telah membelanjakan peruntukan sebanyak US\$ 24 juta untuk pemulihan dan pencegahan, US\$ 100 juta diperuntukan kepada Jabatan Polis Milwaukee untuk keperluan mengawal kepentingan keselamatan awam (David G. Meissner, 2000).

Kajian kesan ke atas nilai harta benda dan keselamatan awam serta kualiti hidup di Omaha, Nebraska mendapati bahawa 4 peratus peralatan kawasan kediaman telah dicuri, 4.7 peratus dirosakkan dan diganti semula oleh pihak keselamatan. Kebanyakan keperluan keselamatan dipertingkatkan seperti pemasangan pagar di sekitar kawasan dan perletakan lampu keselamatan di sekeliling rumah. Kadar kejadian jenayah didapati rendah kesan daripada penggunaan sistem keselamatan yang mantap dan hubungan keakraban kejiranan yang sangat baik (Donald L. Greer, 2000).

Suatu panduan dalam bentuk *Design Issues For Safe Neighbourhoods* telah dilaksanakan di Adelaide, Australia dan telah berjaya membendung kejadian jenayah. Panduan ini menetapkan bagaimana persekitaran fizikal dapat direkabentuk untuk menghalang tingkah laku perbuatan jenayah dan mempertingkatkan aspek keselamatan awam keseluruhannya. Para perancang bandar dan penguatkuasa tempatan seluruh dunia telah mengaplikasikan pendekatan ini untuk mempertingkatkan aspek kualiti hidup terutama aspek keselamatan awam (Rob Donoldson, 2002).

Kajian mengenai *Safe City Centers: Reviving The Public Reclaim* yang dijalankan di United Kingdom mendapati bahawa masyarakat pusat bandar hidup dalam ketakutan terhadap jenayah dan sentiasa mencari jalan untuk mengurangkan kejadian jenayah. Kajian ini mencadangkan supaya pihak polis, pengurus pusat bandar, perancang bandar dan akitek bekerjasama dalam membendung kejadian jenayah mengikut kemahuan dan keperluan dalam bidang masing-masing. Cadangan juga mengesyorkan menggunakan '*Closed Circuit Television*' (CCTV) di setiap pelusuk pusat bandar (Sandra Manley, 1999).

Bandar Nairobi, Afrika Selatan, yang mempunyai kadar jenayah yang tinggi telah mengenal pasti langkah-langkah yang wajar diambil agar kejadian jenayah dapat dibendung. Langkah-langkah ini berdasarkan kepada pendekatan konsep '*prevention is better than cure*'. Selain itu penekanan juga diberikan kepada aspek selamat dan keselamatan awam terhadap penduduk dan harta benda yang mereka miliki di kawasan bandar dan taman-taman perumahan yang mereka diami (UNDP, 2002). Langkah-langkah utama yang dilaksanakan ialah:

- i) Penambahan anggota polis dengan jumlah yang besar kepada unit-unit pakar
- ii) Perkemaskan penguatkuasaan di bawah ahli majlis bandaraya tersebut.
- iii) Peranan sektor swasta terutama agensi-agensi keselamatan perlu diperhebatkan.
- iv) Memperkemaskan peranan NGO terutama di taman-taman perumahan dengan membentuk persatuan dan pertubuhan supaya dapat bergerak sama berperanan membendung jenayah.

Kajian lain yang dijalankan di sebuah bandar iaitu North Carolina Amerika Syarikat, didapati kadar peningkatan jenayah melebihi 20 peratus setiap tahun. Kebimbangan ini menyebabkan Gabernornya Jun Hunt mencadangkan kepada pihak berkuasa Polis dan Kerajaan Tempatan melaksanakan program pencegahan jenayah agar dapat di bendung segera. Antara langkah yang dicadangkan ialah memperkemaskan semula polisi dasar awam tempatan, penambahan pegawai dan anggota polis dengan menggunakan teknik "*Comunity Policing*", pembesaran penjara, hukuman penjara dipanjangkan berdasarkan kes-kes besar yang dilakukan dengan menggunakan pendekatan sistem buruh penjara (ALECS, 2001).

Satu kajian dibuat oleh *Reform Government Servant Community*, England mengesahkan bahawa bandar Nottingham, England telah dianggap tidak lagi selamat kerana mencatatkan 115 kes jenayah berlaku bagi setiap 1,000 orang penduduk pada tahun 2005. Kajian ini mengesahkan bahawa bandar ini mempunyai kadar kes bunuh dan curi kenderaan yang paling tinggi bagi setiap 10,000 orang. Namun menurut laporan Suruhanjaya Audit, lebih banyak tindakan perlu dilakukan untuk menangani masalah anti sosial di kalangan kejrangan dan cara ini lebih berkesan

untuk memberi kesedaran kepada seluruh masyarakat bandar tersebut (Berita Harian, 24 Mei 2006).

1.1 Kenyataan Masalah Kajian

Abad 21 ini merupakan satu tempoh yang penuh dengan cabaran, terutama sekali dalam bidang perancangan bandar kerana mengikut jangkaan demografi, kadar urbanisasi berkembang lebih pesat. Lebih ramai penduduk menetap di kawasan bandar yang akan menjadi penggerak kepada pusat nadi teknologi, ekonomi dan sosial. Dianggarkan menjelang tahun 2020, hampir 75 peratus (20.1 juta) penduduk di Semenanjung akan mendiami di kawasan bandar (JPBD, 2006). Pertumbuhan penduduk yang pesat telah menyebabkan berbagai masalah sosio-ekonomi seperti kemiskinan bandar, rumah yang tidak mencukupi, kekurangan kemudahan awam, pencerobohan gunatanah, pencemaran alam sekitar dan kesesakan lalulintas serta jenayah (Zainuddin Muhamad, 1999).

Dalam konteks negara, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mempunyai tanggungjawab utama menangani pelbagai isu seperti masalah alam sekitar, sampah, banjir kilat, vandalisme, kesesakan jalan raya dan jenayah selaras dengan kepesatan pembangunan bandar.

Pembangunan pesat mampu menaik taraf sesebuah bandar kepada bandaraya, misalnya Bandaraya Alor Star. Bandar Alor Star telah dinaik taraf menjadi sebuah bandaraya pada 28 Januari 2003. Perubahan status bandar Alor Star ke bandaraya ini sudah semestinya menunjukkan Bandaraya Alor Star memenuhi kriteria-kriteria tertentu yang telah ditetapkan oleh kerajaan pusat.

Bandaraya Alor Star merupakan pusat pentadbiran kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan serta bandar Di Raja Kedah (Bandar Anak Bukit) yang menjadi pusat pentadbiran dan pemerintahan kerajaan Negeri Kedah. Dengan berlakunya perubahan status ini maka, Alor Star telah di anggap mencapai tahap pembangunan setaraf dengan bandaraya-bandaraya lain di Malaysia. Di samping itu negeri Kedah mempunyai wawasan menggerak langkah untuk menjadi sebuah negeri maju dengan ekonomi yang mampan dan masyarakat yang progresif pada tahun 2010. Kemajuan yang dihasratkan bukan terhad kepada kemajuan ekonomi dan kebendaan semata-mata tetapi kemajuan yang seimbang dengan aspek sosial, politik, kebudayaan dan kerohanian (Unit Perancangan Ekonomi Negeri Kedah, 2004).

Masalah jenayah merupakan salah satu isu yang semakin menarik perhatian awam dan ia sering menjadi bahan perbincangan politik semasa. Media massa pula memaparkan berita dan cerita yang tidak kurang hebatnya tentang keadaan jenayah yang jumlahnya sedang meningkat, mangsa yang mudah di serang, pesalah yang tidak memperdulikan orang lain dan keadaan masyarakat yang terancam oleh gejala jenayah.

Seringkali pula orang awam dikatakan berasa kluatir dan gelisah terhadap bahaya dan kesan jenayah yang sukar diterima oleh masyarakat serba moden. Kini jenayah banyak menonjolkan peningkatan keadaan individualisme, metarialisme dan hendonisme di kalangan anggota masyarakat.

Apabila masalah jenayah menjadi tumpuan utama keperihatinan kebanyakan masyarakat maju dan membangun, maka banyakkah penyelesaian kepada masalah tersebut disarankan. Langkah-langkah yang disarankan dilaksanakan dalam pelbagai

bentuk. Mengikut Conklin (1998) hanya sedikit sahaja daripada langkah-langkah penyelesaian atau pencegahan jenayah itu yang dapat mengurangkan masalah tersebut secara signifikan. Ini menunjukkan walaupun banyak langkah yang telah dilakukan namun ianya masih kurang berkesan untuk menyelesaikan masalah yang ada.

Jesteru itu, timbulah perasaan pesimistik berhubung sejauh mana keberkesanan sesuatu cara bagi menyelesaikan masalah jenayah. Antara beberapa persoalan yang sering ditimbulkan ialah mungkinkah sehingga kini hanya sedikit sahaja yang mengetahui tentang sebab-sebab berlakunya jenayah dan apakah program atau tindakan bagi mengurangkan jenayah secara berkesan? Atau, mungkinkah masih belum memperolehi atau belum melaksanakan dasar-dasar pencegahan atau kawalan yang sesuai, tepat dan betul, demi keselamatan dan ketenteraman awam?

Walau apapun persoalan berhubung dengan pencegahan jenayah dan wujudnya suasana skeptik atau pesimistik terhadap jenayah serta langkah penyelesaian masalah tersebut, hampir semua masyarakat moden kini masih tetap meneruskan berbagai usaha demi menangani masalah jenayah.

Di dalam masyarakat terdapat pelbagai norma dan nilai serta penguatkuasaan terhadap tingkah laku masyarakat. Kesemua ini dinamakan Kawalan Sosial. Kawalan sosial digunakan dalam bentuk denda yang dikenakan kepada mereka yang melanggar peraturan. Ianya amat penting bagi kebanyakan masyarakat dalam mengekalkan keteraturan sosialnya.

Berdasarkan statistik Polis Di Raja Malaysia (PDRM), bagi tempoh 20 tahun (1984-2003) kadar jenayah telah melonjak naik mulai tahun 1996 dengan 87,902 kes kepada 121,176 kes pada tahun 1997 (iaitu peningkatan sebanyak 37.85 peratus). Seterusnya jumlah kes jenayah adalah dalam lingkungan 128,000 hingga 169,000 kes pada tahun-tahun berikutnya. Pada tahun 2003, misalnya jenayah harta benda adalah kira-kira 85.4 peratus dari jumlah keseluruhan kes jenayah (iaitu 133,525 kes berbanding 156,315 kes keseluruhan), (PDRM, 2005).

Sejak tahun 1970-an kes jenayah keganasan dan harta benda telah menghiasi dada-dada akhbar, media elektronik dan menjadi bualan masyarakat. Kes rompakan/samun samada menggunakan senjata api atau tidak, paling ditakuti oleh orang ramai kerana bukan sahaja boleh mendatangkan kerugian harta benda tetapi juga menyebabkan cedera parah atau kehilangan nyawa (Mohd Redzuan, 1990).

Kadar Indeks Jenayah di Negeri Kedah menunjukkan bagi tahun 2000, terdapat sebanyak 7,171 kes, tahun 2001 sebanyak 7,641, dalam tahun 2002 sebanyak 9,345 kes, tahun 2003 sebanyak 8,971 kes dan tahun 2004 sebanyak 9,461 kes. Ini menunjukkan Kenaikan Indeks Kadar Jenayah dari tahun ke tahun (PDRM, 2005), (Jadual 1.2, 1.3 dan 1.4 di muka surat 25).

Daerah Kota Star mencatatkan bilangan jenayah tertinggi berbanding lain-lain daerah di Negeri Kedah. Sebanyak 1,804 kes dicatatkan pada tahun 2000 sebanyak 2,092 kes pada tahun 2001, 3,711 kes, pada tahun 2002, 3,442 kes pada tahun 2003 dan 3,372 kes pada tahun 2004.

Jadual 1.2: Statistik Indeks Kadar Jenayah Malaysia 2000-2004

Tahun	2000	2001	2002	2003	2004
Jenayah Kekerasan	21,604	20,390	20,843	22,790	21,859
Jenayah harta benda	145,569	136,079	128,199	133,525	134,596
Jumlah	167,173	156,469	149,042	156,315	156,455

Sumber: Ibu Pejabat Polis Kontijen Kedah, PDRM, 2005

Jadual 1.3: Statistik Indeks Kadar Jenayah Kedah 2000-2004

Tahun	2000	2001	2002	2003	2004
Jenayah Kekerasan	662	668	776	748	811
Jenayah Harta benda	6,509	6,973	8,569	8,223	8,650
Jumlah	7,171	7,641	9,345	8,971	9,461

Sumber: Ibu Pejabat Polis Kontijen Kedah, PDRM, 2005

Jadual 1.4: Statistik Indeks Kadar Jenayah Kota Star 2000-2004

Tahun	2000	2001	2002	2003	2004
Jenayah Kekerasan	167	177	280	197	216
Jenayah Harta benda	1,637	1,915	3,431	3,245	3,156
Jumlah	1,804	2,092	3,711	3,442	3,372

Sumber: Ibu Pejabat Polis Kontijen Kedah, PDRM, 2005

Angka tunjuk jenayah polis, yang meliputi jenayah harta benda dan kekerasan yang merangkumi 15 jenis jenayah yang diindekskan menunjukkan tidak kurang daripada 65 ribu kes jenayah yang telah direkodkan dalam jangka masa dua dekad yang lalu dan melebihi 100 ribu insiden jenayah yang dilaporkan pada 2003 (The Star, 20 April 2004).

Didapati kawasan-kawasan taman perumahan menjadi tumpuan atau sasaran kepada kegiatan jenayah. Keadaan ini telah mengakibatkan tercetusnya perasaan gusar dan kurang senang di kalangan penduduk setempat terhadap keselamatan awam. Ini menjejaskan kualiti kehidupan masyarakat dan seterusnya mempengaruhi kehidupan fizikal dan emosional mereka. Lantaran itu amat wajar sekali langkah